- (c) the chargeable person shall keep and retain in safe custody such prescribed form being the hard copy of the form so furnished and that copy shall be made under the processes and procedures which are designed to ensure that the information contained in the form shall be the only information furnished in accordance with this section;
- (d) the hard copy shall be signed by the chargeable person; and
- (e) the hard copy in paragraph (c) and the declaration made under paragraph (a) shall be kept and retained for a period of seven years from the end of the year of assessment in which the prescribed form is furnished.

(6) Any form referred to in subsection (1) is deemed to have been furnished by a chargeable person to the Director General on the date on which acknowledgement of receipt of the form is transmitted electronically by the Director General to the chargeable person.”.

BAHAGIAN II

PELBAGAI

Pemakaian Bahagian ini

35. (1) Akta ibu hendaklah terpakai bagi maksud Bahagian ini melainkan jika diperuntukkan selainnya.

(2) Jika terdapat apa-apa ketidakselarasan antara mana-mana peruntukan Bahagian ini dengan mana-mana peruntukan Akta ibu, peruntukan Akta ibu adalah terbatal setakat ketidakselarasan itu.

Tahun taksiran 2010

36. (1) Bagi mengelakkan keraguan, dengan ini diisytiharkan bahawa dalam tahun 2010, hendaklah ada dua tahun taksiran, iaitu—

- (a) tahun taksiran 2010 berkenaan dengan tempoh asas yang berakhir pada tahun 2009 (asas tahun sebelumnya); dan
- (b) tahun taksiran 2010 berkenaan dengan tempoh asas yang berakhir pada tahun 2010 (asas tahun semasa).

(2) Tahun taksiran 2010 berasaskan tahun semasa ialah tahun taksiran yang berasingan yang mengikuti tahun taksiran 2010 berasaskan tahun sebelumnya.

Anggaran dan ansuran bagi tahun taksiran 2010 berkenaan dengan asas tahun semasa dan tahun taksiran 2011

37. (1) Orang yang boleh dikenakan cukai tidak dikehendaki untuk mengemukakan anggaran di bawah seksyen 49A Akta ibu bagi tahun taksiran 2010 berkenaan dengan apa-apa asas tahun semasa.

(2) Ketua Pengarah boleh mengikut subseksyen 49A(8) Akta ibu, mengarahkan mana-mana orang yang boleh dikenakan cukai untuk membuat pembayaran melalui ansuran dengan mengambil kira cukai yang kena atau boleh kena dibayar oleh orang yang boleh dikenakan cukai itu bagi tahun taksiran 2010 berkenaan dengan asas tahun semasa pada masa dan mengikut apa-apa amaun sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah.

(3) Bagi tahun taksiran 2011, anggaran cukai yang kena dibayar berkenaan dengan orang yang boleh dikenakan cukai yang dikemukakan kepada Ketua Pengarah di bawah subseksyen 49A(2) Akta ibu hendaklah tidak kurang daripada lapan puluh lima peratus daripada amaun cukai yang kena dibayar bagi tahun taksiran 2010 berkenaan dengan tahun asas sebelumnya atau, jika cukai yang kena dibayar itu belum ditentukan cukai yang kena dibayar bagi tahun taksiran 2009.

Peruntukan kecualian dan peralihan

38. Jika mana-mana orang boleh dikenakan cukai berasaskan tahun sebelumnya di bawah seksyen 5 Akta ibu sebelum permulaan kuat kuasa pindaan kepada seksyen itu dalam Akta ini, maka orang yang boleh dikenakan cukai itu hendaklah terus dikenakan cukai sedemikian itu.

BAB V

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976

39. Bab ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2010.

Pindaan seksyen 7

40. Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, dipinda dalam seksyen 7—

- (a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “, kerugian yang boleh dibenarkan dan relief cukai kerana kerugian yang boleh dibenarkan” dengan perkataan “dan kerugian yang boleh dibenarkan”; dan
- (b) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:

“(4) Jika—

- (a) ada kerugian yang boleh dibenarkan mengenai sesuatu pelupusan, kerugian yang boleh dibenarkan itu hendaklah dibenarkan sebagai suatu potongan bagi mengurangkan jumlah keuntungan yang boleh dikenakan cukai bagi seseorang bagi sesuatu tahun taksiran yang pelupusan itu telah dibuat; dan
- (b) oleh sebab tidak cukupnya atau tidak adanya jumlah keuntungan yang boleh dikenakan cukai bagi tahun taksiran yang kerugian yang boleh dibenarkan itu timbul, kuat kuasa tidak dapat diberikan atau

tidak dapat diberikan dengan sepenuhnya kepada perenggan (a), kerugian yang boleh dibenarkan yang tidak dibenarkan sedemikian (atau sekian banyak daripadanya yang tidak dibenarkan sedemikian bagi tahun itu), hendaklah dibenarkan sebagai potongan bagi mengurangkan jumlah keuntungan yang boleh dikenakan cukai seseorang bagi tahun pertama taksiran yang berikutnya yang baginya ada jumlah keuntungan yang boleh dikenakan cukai dan demikianlah seterusnya bagi tahun-tahun taksiran yang berikutnya sehingga semua amaun kerugian yang boleh dibenarkan yang akan dibenarkan itu telah dibenarkan.

(5) Bagi maksud subseksyen (4), dalam hal seseorang individu, keuntungan yang boleh dikenakan cukai yang disebut dalam subseksyen itu tidaklah termasuk mana-mana amaun yang dikecualikan di bawah Jadual 4.”.

Pindaan seksyen 13

41. Seksyen 13 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1) dan (2), dengan menggantikan perkataan “satu bulan” dengan perkataan “enam puluh hari” di mana-mana jua terdapat;
- (b) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan “tiga puluh” dengan perkataan “enam puluh”; dan
- (c) dalam subseksyen (5), dengan memotong perkataan “tahun sebelum sahaja”.

Pindaan seksyen 16

42. Perenggan 16(2)(a) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “cukai yang ditaksirkan bagi sesuatu relief cukai kerana” dengan perkataan “keuntungan yang boleh dikenakan cukai bagi mana-mana”.

Pindaan seksyen 17

43. Perenggan 17(c) Akta ibu dipinda dengan menggantikan subperenggan (iii) dengan subperenggan yang berikut:

“(iii) amaun kerugian yang boleh dibenarkan yang dibenarkan;”.

Pindaan seksyen 20

44. Subseksyen 20(1) Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “relief cukai kerana”.

Pindaan seksyen 21A

45. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 21A dengan seksyen yang berikut:

“Perakuan tidak dikenakan cukai

21A. Ketua Pengarah hendaklah menghantar kepada pelupus suatu perakuan tidak dikenakan cukai dalam borang yang ditetapkan jika dia berpuas hati bahawa tiada keuntungan yang boleh dikenakan cukai telah timbul, apabila sahaja berpuas hati dengan yang sedemikian itu.”.

Pindaan seksyen 21B

46. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 21B dengan seksyen yang berikut:

“Kewajipan pemeroleh untuk memegang simpan dan membayar sebahagian daripada balasan

21B. (1) Jika sesuatu pelupusan yang seksyen 13 terpakai baginya, balasannya terdiri kesemuanya atau sebahagiannya daripada wang, pemeroleh hendaklah memegang simpan kesemua wang itu atau suatu jumlah wang tidak melebihi

dua peratus daripada jumlah nilai balasan itu mengikut mana-mana yang lebih rendah, dan (sama ada amaun itu dipegang simpan atau tidak) dia hendaklah dalam tempoh enam puluh hari selepas tarikh pelupusan itu membayar amaun itu kepada Ketua Pengarah:

Dengan syarat bahawa Ketua Pengarah boleh dalam hal keadaan khas membenarkan pelanjutan masa bagi bayaran itu dibuat.

(2) Jika pemeroleh gagal membayar mana-mana amaun yang genap masanya di bawah subseksyen (1), amaun yang gagal dibayar olehnya itu hendaklah dinaikkan dengan suatu jumlah bersamaan dengan sepuluh peratus amaun yang gagal dibayar itu, dan amaun dan jumlah kenaikan itu hendaklah menjadi hutang yang genap masanya untuk dibayar olehnya kepada Kerajaan dan hendaklah kena dibayar dengan sertamerta kepada Ketua Pengarah.

(3) Jika menurut seksyen ini, mana-mana amaun yang disebut dalam subseksyen (1) dibayar kepada Ketua Pengarah oleh pemeroleh atau didapatkan oleh Ketua Pengarah daripada pemeroleh itu,—

- (a) Ketua Pengarah hendaklah menggunakan amaun itu untuk bayaran cukai yang dikenakan atas pelupus yang dengannya pemeroleh itu bertanggungjawab membayar bayaran yang amaun itu berkaitan; atau
- (b) jika pemeroleh itu tidak memegang simpan amaun itu bagi membuat bayaran di bawah subseksyen (1) berkenaan dengan amaun yang berkaitan itu, pemeroleh itu boleh mendapatkan amaun itu daripada pelupus sebagai hutang yang genap masanya untuk dibayar kepadanya.

(4) Walau apa pun subseksyen (1), jika amaun yang genap masanya dibayar daripada pemeroleh di bawah subseksyen (1) dinaikkan dengan suatu jumlah di bawah subseksyen (2), Ketua Pengarah boleh menurut budi bicaranya kerana apa-apa sebab yang baik yang diberikan meremitkan kesemua atau mana-mana bahagian daripada jumlah wang itu dan, jika jumlah wang yang diremitkan telah dibayar, Ketua Pengarah hendaklah membayar balik jumlah wang itu.”.

Pindaan seksyen 22**47. Seksyen 22 Akta ibu dipinda—****(a) dalam subseksyen (1)—**

- (i) dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan (a);
- (ii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “21(4),” dengan perkataan “21(4); dan”;
- (iii) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:
 - “(c) hutang yang kena dibayar olehnya di bawah subseksyen 21B(2),”; dan
- (iv) dengan menggantikan perkataan “dan jumlah wang yang kena dibayar sedemikian” dengan perkataan “, jumlah wang yang kena dibayar dan hutang yang kena dibayar sedemikian” di mana-mana jua terdapat; dan

(b) dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan “cukai dan jumlah wang” dengan perkataan “cukai, jumlah wang dan hutang” di mana-mana jua terdapat.**Pindaan seksyen 24**

48. Subseksyen 24(2) Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “(atau adalah disifatkan di bawah subseksyen 21B(3) sebagai telah dibayar)”.

Seksyen baru 48A

49. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 48 seksyen yang berikut:

“Kebolehterimaan rekod elektronik

48A. (1) Walau apa pun apa-apa undang-undang bertulis lain, jika dalam mana-mana prosiding di bawah Akta ini suatu rekod elektronik bagi—

- (a) mana-mana borang yang ditetapkan yang dikemukakan melalui penghantaran elektronik di bawah seksyen 57A; atau

- (b) mana-mana dokumen lain yang disimpan atau diterima oleh atau disampaikan kepada Ketua Pengarah melalui media elektronik atau dengan cara penghantaran elektronik,

rekod elektronik atau salinan atau cetakan daripada rekod elektronik itu hendaklah boleh diterima sebagai keterangan mengenai fakta yang dinyatakan atau terkandung dalamnya:

Dengan syarat bahawa rekod atau salinan atau cetakan itu —

- (i) diperakui oleh Ketua Pengarah sebagai mengandungi kesemua atau mana-mana maklumat yang dikemukakan, disimpan, disampaikan atau diterima dengan media elektronik atau dengan cara penghantaran elektronik di bawah seksyen ini; atau
- (ii) selainnya disahkan mengikut cara yang diperuntukkan dalam Akta Keterangan 1950 bagi mengesahkan dokumen yang dikeluarkan oleh komputer.

(2) Jika rekod elektronik bagi mana-mana borang yang ditetapkan di bawah Akta ini atau mana-mana dokumen lain, atau suatu salinan atau cetakan rekod itu boleh diterima di bawah subseksyen (1), hendaklah dianggap sehingga akasnya dibuktikan, bahawa rekod atau salinan atau cetakan itu mengeluarkan semula dengan tepat kandungan borang atau dokumen itu.

(3) Bagi maksud Akta ini, “media elektronik” termasuklah suatu data, teks, imej atau mana-mana maklumat lain yang disimpan, diterima atau disampaikan dengan cara elektronik, magnet, optik, imejan atau mana-mana peranti pemrosesan data lain.”.

Pindaan seksyen 52

50. Seksyen 52 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan memotong perkataan “permintaan,”; dan
- (b) dalam subseksyen (2), dengan memotong perkataan “permintaan atau” di mana-mana jua terdapat.

Pindaan seksyen 53

51. Seksyen 53 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan memotong perkataan “dan permintaan”; dan
- (b) dengan memotong perkataan “atau permintaan-permintaan” dan “atau permintaan” di mana-mana jua terdapat.

Pindaan seksyen 55

52. Seksyen 55 Akta ibu dipinda dengan memotong perkataan “, permintaan” di mana-mana jua terdapat.

Seksyen baru 57A

53. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 57 seksyen yang berikut:

“Media elektronik

57A. (1) Ketua Pengarah boleh membenarkan mana-mana borang yang ditetapkan di bawah Akta ini dikemukakan oleh mana-mana orang atau oleh mana-mana golongan orang melalui media elektronik atau dengan cara penghantaran elektronik.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), syarat dan spesifikasi yang mana-mana borang yang ditetapkan kena dikemukakan hendaklah sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.”.

Pindaan Jadual 2

54. Jadual 2 kepada Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan 6—
 - (i) dalam sub-subperenggan (1)(c), dengan memotong perkataan “dan, tertakluk kepada subperenggan (2), apa-apa bunga yang dibayar di atas modal yang digunakan untuk memperoleh aset itu”; dan
 - (ii) dengan memotong subperenggan (2);

- (b) dalam proviso kepada perenggan 12, dengan memotong perkataan “dan pemberian itu dibuat dalam masa lima tahun selepas tarikh pemerolehan aset itu oleh pemberinya,”; dan
- (c) dengan menggantikan perenggan 31 dengan perenggan yang berikut:

“Larangan mengenai potongan bagi kerugian yang boleh dibenarkan daripada keuntungan yang boleh dikenakan cukai bagi tahun-tahun yang dahulu

31. Mana-mana kerugian yang boleh dibenarkan yang ditanggung dalam suatu tahun taksiran tidak boleh dibenarkan sebagai suatu potongan daripada keuntungan yang boleh dikenakan cukai yang terakru dalam mana-mana tahun taksiran yang terdahulu.”.

Pindaan Jadual 4

55. Perenggan 2 Jadual 4 kepada Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “lima” dengan perkataan “sepuluh”.

Pindaan Jadual 5

56. Bahagian I Jadual 5 kepada Akta ibu dipinda—

- (a) dalam ruang “Kategori pelupusan”—
 - (i) dalam butir no. 4, dengan memasukkan selepas perkataan “aset yang boleh dikenakan cukai” perkataan “atau selepas itu”; dan
 - (ii) dengan memotong butir no. 5; dan
- (b) dalam ruang “Kadar cukai”, dengan memotong perkataan “Tiada” yang terdapat bersempitan dengan butir no. 5.

Peruntukan kecualian dan peralihan

57. (1) Jika—

- (a) seseorang layak kepada suatu relief cukai menurut subseksyen 7(4) Akta ibu sebelum pindaan kepada subseksyen itu di bawah seksyen 40 Akta ini; dan

- (b) relief itu tidak dibenarkan sebagai suatu potongan daripada jumlah cukai yang ditaksir (sekiranya ada) oleh orang itu bagi tahun taksiran 2007,

relief itu hendaklah dibenarkan sebagai suatu potongan daripada jumlah cukai yang ditaksir, dalam tahun pertama taksiran selepas tahun taksiran 2009 jika terdapat jumlah cukai yang ditaksirkan, dan demikianlah seterusnya bagi tahun-tahun taksiran yang berikutnya sehingga kesemua amaun relief cukai itu dibenarkan sepenuhnya sebagai suatu potongan.

(2) Bagi maksud perenggan (1)(b), tahun taksiran 2007 hendaklah merujuk kepada suatu tempoh yang berakhir pada 31 Mac 2007.

BAB VI

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LUAR PESISIR LABUAN 1990

Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990

58. Bab ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2010.

Seksyen baru 12A

59. Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 12 seksyen yang berikut:

“Kumpulan Wang bagi Pembayaran Balik Cukai

12A. (1) Maka hendaklah dibayar dari semasa ke semasa ke dalam Kumpulan Wang bagi Pembayaran Balik Cukai yang ditubuhkan di bawah seksyen 111B Akta Cukai Pendapatan 1967 apa-apa amaun cukai yang dipungut di bawah Akta ini sebagaimana yang diberi kuasa oleh Menteri.

(2) Wang daripada Kumpulan Wang yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah dipakai bagi membuat sesuatu pembayaran balik di bawah seksyen 12.

(3) Seksyen 14A Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*] tidak terpakai bagi mana-mana pembayaran balik yang dibuat di bawah seksyen 12.”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 (“Akta 53”), Akta Setem 1949 (“Akta 378”), Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 (“Akta 543”), Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (“Akta 169”) dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 (“Akta 445”).

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

Bab II Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967.

1. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 53. Dengan pindaan ini, syarikat yang ditubuhkan bagi penerbitan sekuriti bersandarkan aset dalam suatu transaksi penssekuritan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan mempunyai modal berbayar dua juta lima ratus ribu ringgit dan kurang dikecualikan daripada menikmati manfaat untuk tidak mengemukakan anggaran cukai dan membuat bayaran ansuran menurut subseksyen 107C(4A), kadar cukai khas di bawah Jadual 1 dan elaun khas bagi aset bernilai kecil di bawah Jadual 3.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2010 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

2. *Subperenggan 5(a)(i)* bertujuan untuk meminda perenggan 46(1)(a) Akta 53. Dengan pindaan ini, amaun potongan peribadi bagi seorang individu untuk tahun taksiran dinaikkan daripada lapan ribu ringgit kepada sembilan ribu ringgit.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2010 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

Subperenggan 5(a)(iv) bertujuan untuk meminda seksyen 46 Akta 53 bagi memperuntukkan bahawa seseorang individu layak menuntut potongan bagi jumlah maksimum sebanyak lima ratus ringgit berkenaan dengan yuran langganan jalur lebar.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2010, 2011 dan 2012.

3. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda subseksyen 49(1A) Akta 53 untuk memperuntukkan kenaikan potongan daripada enam ribu ringgit kepada tujuh ribu ringgit berkaitan dengan bayaran premium untuk annuiti yang dimasuki pada atau sebelum 1 Januari 2010.

Pindaan ini berkuat kuasa pada tahun taksiran 2010 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

4. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda seksyen 60i Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa pemakaian seksyen 60i dipanjangkan kepada syarikat bertujuan khas yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat Luar Pesisir 1990. Walau bagaimanapun, syarikat luar pesisir itu mestilah membuat pilihan untuk dicukai di bawah Akta 53.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2010 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

5. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda seksyen 83 Akta 53. Dengan pindaan ini, tiap-tiap majikan mestilah mengemukakan penyata pendapatan penggajian bagi pekerja-pekerjanya tidak lewat daripada 31 Mac setiap tahun. Sebagai tambahan, majikan juga mestilah menyediakan dan menyerahkan kepada pekerjajanya suatu penyata pendapatan pada atau sebelum hari terakhir bulan Februari pada setiap tahun. Keperluan untuk mengemukakan penyata dan menyediakan penyata menurut suatu perintah statutori tidak lagi diperlukan.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 dan tahun-tahun yang berikutnya.

6. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda seksyen 107 Akta 53. Pindaan ini bertujuan untuk menjelaskan bahawa apa-apa amaun yang kena dibayar daripada majikan yang berbangkit daripada subseksyen 83(2), (3), (4) atau (5) atau seksyen 107 Akta 53 ialah hutang yang genap masa dibayar kepada Kerajaan dan boleh didapatkan daripada majikan melalui prosiding sivil.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada tarikh Akta ini mula berkuat kuasa.

7. *Perenggan 10(a)* bertujuan untuk meminda subseksyen 107c(4) Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa apabila operasi telah dimulakan, syarikat yang mempunyai tempoh asas bagi suatu tahun taksiran yang kurang daripada enam bulan tidak dikehendaki untuk mengemukakan anggaran cukai atau membuat bayaran ansuran bagi tahun itu.

Perenggan 10(b) bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 107c(10A) ke dalam Akta 53. Dengan pindaan itu, dalam hal jika syarikat, badan amanah atau koperasi gagal untuk mengemukakan anggaran di bawah seksyen 107c dan Ketua Pengarah tidak mengeluarkan apa-apa arahan di bawah seksyen itu pada sesuatu tahun taksiran tetapi terdapat cukai yang kena dibayar oleh orang itu bagi tahun itu, amaun cukai yang kena dibayar akan dinaikkan dengan amaun yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada cukai itu.

Pindaan-pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2011 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

8. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda seksyen 112 Akta 53. Dengan pindaan yang dicadangkan, ia bertujuan untuk menjelaskan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk mengenakan penalti tambahan di bawah seksyen itu berkenaan dengan apa-apa cukai tambahan kena dibayar bagi tahun taksiran dalam hal jika penyata tidak dikemukakan oleh pembayar cukai.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada tarikh Akta ini mula berkuat kuasa.

9. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda seksyen 120 Akta 53 berbangkit daripada pindaan kepada subseksyen 83(1) Akta 53.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada tarikh Akta ini mula berkuat kuasa.

10. *Fasal 13* bertujuan untuk meminda seksyen 152A Akta 53. Pada masa ini, seseorang ejen cukai yang diberi kuasa dibenarkan untuk mengemukakan penyata bagi pihak mana-mana orang melalui media elektronik. Sebagai tambahan kepada penyata itu, pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk memperluas pemakaian sekyen itu kepada mana-mana borang yang ditetapkan di bawah Akta itu.

Pindaan ini mula berkuat kuasa pada tarikh Akta ini mula berkuat kuasa.

11. *Fasal 14* bertujuan untuk meminda Jadual I kepada Akta 53. *Subperenggan 14(a)(i)* bertujuan untuk meminda kadar cukai bagi seorang selain daripada yang dinyatakan dalam perenggan 1A, 2, 2A dan 3 Jadual itu berkenaan pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi setiap ringgit melebihi RM100,000 adalah dikurangkan dari dua puluh tujuh peratus kepada dua puluh enam peratus.

Subperenggan 14(a)(ii) selanjutnya bertujuan untuk meminda perenggan 1A Jadual itu untuk mengurangkan kadar cukai bagi pendapatan bukan pemastautin daripada dua puluh tujuh peratus kepada dua puluh enam peratus.

Perenggan 14(b) bertujuan untuk meminda Bahagian IV Jadual itu untuk memperuntukkan bahawa kadar maksima cukai pendapatan ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi koperasi ialah dua puluh enam peratus.

Perenggan 14(c) bertujuan untuk memasukkan Bahagian baru XIV ke dalam Akta 53. Dengan kemasukkan Bahagian baru, seorang individu pemastautin dan merupakan pekerja berpengetahuan berkenaan dengan aktiviti yang layak di wilayah tertentu dicukai pada kadar 15 peratus. Menteri akan menentukan pekerja berpengetahuan, aktiviti layak dan wilayah tertentu melalui kaedah yang dibuat di bawah Akta.

Pindaan-pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2010 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

12. *Perenggan 15(a)* bertujuan untuk meminda subperenggan 33B(b) Jadual 6 kepada Akta 53. Dengan pindaan itu, pengecualian ke atas faedah yang dibayar atau dikreditkan bagi sekuriti Islam diperluas kepada bukan sahaja faedah yang dibayar atau dikreditkan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti tetapi juga kepada faedah yang dibayar atau dikreditkan atas sekuriti Islam yang diluluskan oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan.

Perenggan 15(b) bertujuan untuk meminda subperenggan 35(b) Jadual yang sama untuk memperjelas bahawa faedah atau diskaun yang dibayar atau dikreditkan kepada mana-mana individu, amanah saham dan dana tertutup diperluas kepada sekuriti Islam yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Pindaan-pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2010 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

13. *Fasal 16* bertujuan untuk memasukkan takrif baru “incurred” ke dalam perenggan 9 Jadual 7B kepada Akta 53 supaya selaras dengan Jadual 3 kepada Akta 53.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2010 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

PINDAAN KEPADA AKTA SETEM 1949

Bab III Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Setem 1949. Bab ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2010.

14. *Fasal 18* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 72A ke dalam Akta 378 bagi mengadakan peruntukan baru berhubung dengan kesalahan berkenaan dengan sijil setem.

15. *Fasal 19* bertujuan untuk meminda Jadual Pertama kepada Akta 378 untuk memperluas pengecualian ke atas surat cara yang disempurnakan menurut skim pembiayaan yang menurut prinsip-prinsip Syariah yang diluluskan oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan sebagai tambahan kepada surat cara yang diluluskan oleh Bank Negara atau Suruhanjaya Sekuriti.

16. *Fasal 20* bertujuan untuk memasukkan butiran 22 ke dalam Jadual Kedua kepada Akta 378. Dengan pindaan itu, Pendaftar Syarikat diberi kuasa untuk membatalkan setem pekat berkenaan dengan surat cara Perkara-Perkara Persatuan dan Memorandum Persatuan.

PINDAAN KEPADA AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

Bahagian I Bab IV Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.

17. *Fasal 22* bertujuan untuk meminda seksyen 5 Akta 543. Cadangan pindaan itu bertujuan untuk memperuntukkan perubahan berkenaan dengan tempoh asas dari asas tahun sebelum kepada asas tahun semasa.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2010 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

18. *Fasal 23* bertujuan untuk meminda seksyen 30 kepada Akta 543. Sebelum pindaan itu, tiap-tiap orang yang boleh dikenakan cukai bagi suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran dikehendaki mengemukakan kepada Ketua Pengarah suatu penyata bersama-sama dengan suatu salinan akaunnya dalam masa tiga bulan selepas penutupan tempoh perakaunannya. Dengan pindaan itu dan berikutan dengan pengenalan Sistem Taksir Sendiri, tiap-tiap orang yang boleh dikenakan cukai dikehendaki mengemukakan penyata itu kepada Ketua Pengarah dalam masa tujuh bulan selepas habis tempoh perakaunannya dan penyata itu hendaklah menyatakan pendapatan bercukai dan amaun cukai yang kena dibayar oleh orang yang boleh dikenakan cukai.

Pindaan yang dicadangkan selanjutnya memperuntukkan bahawa penyata yang dikemukakan di bawah seksyen ini hendaklah menyatakan pendapatan yang boleh dikenakan cukai dan amaun cukai yang kena dibayar ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai itu dan ia hendaklah juga mengandungi butir-butir yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2010 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

19. *Fasal 24* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 30A ke dalam Akta 543 akibat daripada pindaan kepada seksyen 30 Akta 543. Pindaan yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan bahawa tiap-tiap orang yang boleh dikenakan cukai bagi setiap tempoh cari gali mengemukakan kepada Ketua Pengarah suatu penyata dalam masa tujuh bulan dari berakhirnya tempoh itu. “Tempoh cari gali” ditakrifkan sebagai suatu tempoh atau tempoh-tempoh sebelum tempoh asas pertama orang yang boleh dikenakan cukai.

Fasal ini juga bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 30B ke dalam Akta 543 bagi membolehkan orang yang boleh dikenakan cukai yang telah mengemukakan suatu penyata di bawah seksyen 30 Akta 543 untuk mengemukakan suatu penyata terpinda. Orang yang boleh dikenakan cukai itu boleh meminda penyataanya tidak lewat daripada enam bulan dari tarikh akhir untuk memfailkan penyataanya dan pindaan itu hanya boleh dibuat sekali. Cukai yang kena dibayar dalam penyata terpinda hendaklah termasuk jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada cukai yang kena dibayar seperti yang terkandung dalam penyata terpinda itu.

Pindaan-pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2010 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

20. *Fasal 25* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 34A ke dalam Akta 543. Dengan pindaan itu, tiap-tiap orang yang boleh dikenakan cukai mesti menyimpan rekod bagi tempoh tujuh tahun dari akhir tahun yang berkaitan dengan perbelanjaan cari gali atau pendapatan. Walau bagaimanapun, dalam hal jika seseorang yang boleh dikenakan cukai gagal mengemukakan suatu penyata masing-masing di bawah seksyen 30 atau 30A, orang itu mestilah menyimpan rekod itu bagi tempoh tujuh tahun dari akhir tahun penyata itu dikemukakan.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2010 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

21. *Fasal 26* bertujuan untuk meminda seksyen 38 Akta 543. Dengan pindaan itu, suatu taksiran berkenaan dengan orang yang boleh dikenakan cukai yang telah mengemukakan suatu penyata di bawah seksyen 30 Akta 543 hendaklah disifatkan telah dibuat oleh Ketua Pengarah pada hari yang penyata itu dikemukakan. Dengan pelaksanaan Sistem Taksir Sendiri, penyata itu hendaklah disifatkan sebagai suatu notis taksiran dan hendaklah disifatkan telah disampaikan ke atas orang itu pada hari Ketua Pengarah disifatkan telah membuat taksiran itu.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2010 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

22. *Fasal 27* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 39A ke dalam Akta 543 berbangkit daripada kemasukan peruntukan penyata terpinda di bawah seksyen baru 30B. Dengan pindaan itu, suatu penyata terpinda yang dikemukakan di bawah seksyen baru 30B hendaklah disifatkan sebagai taksiran atau taksiran tambahan pada hari penyata terpinda itu dikemukakan.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2010 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

23. *Fasal 28* bertujuan untuk meminda seksyen 40 Akta 543 berbangkit daripada pindaan kepada seksyen 38 dan 39A Akta 543.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2010 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

24. *Fasal 29* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 40A ke dalam Akta 543 untuk memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah diberi kuasa untuk membangkitkan suatu taksiran komposit ke atas seseorang yang boleh dikenakan cukai apabila Ketua Pengarah dan orang yang boleh dikenakan cukai itu mencapai suatu persetujuan berkenaan dengan jumlah cukai yang terkurang oleh orang yang boleh dikenakan cukai itu.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2010 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

25. *Fasal 30* bertujuan untuk meminda seksyen 48 Akta 543 berikutan daripada pengenalan Sistem Taksir Sendiri. Mana-mana cukai yang kena dibayar di bawah sistem baru itu hendaklah menjadi genap masa dan kena dibayar pada tarikh akhir itu. Tarikh akhir itu selanjutnya ditakrifkan sebagai hari terakhir bulan ketujuh dari tarikh yang berikutan dengan berakhirnya tempoh perakaunan itu.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2010 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

26. *Fasal 31* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 49A ke dalam Akta 543. Pindaan itu memperuntukkan bahawa tiap-tiap orang yang boleh dikenakan cukai mestilah mengemukakan suatu anggaran cukai yang kena dibayar olehnya bagi suatu tahun taksiran dalam penyata yang ditetapkan di bawah Akta itu. Orang yang boleh dikenakan cukai mestilah menunjukkan dalam penyata itu sepuluh ansuran bulanan yang sama rata yang kena dibayar dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran. Ansuran pertama boleh dibuat mulai dari bulan kedua tempoh asas bagi suatu tahun taksiran itu. Walau bagaimanapun, dalam hal jika tempoh asas bagi seseorang yang boleh dikenakan cukai adalah kurang daripada enam bulan, orang yang boleh dikenakan cukai itu tidak dikehendaki mengemukakan anggaran itu.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2010 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

27. *Fasal 32* bertujuan untuk meminda seksyen 51 Akta 543 berbangkit daripada pindaan kepada seksyen 30 dan kemasukan seksyen baru 30A untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan kerana kegagalan untuk mengemukakan penyata di bawah seksyen-seksyen itu.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2010 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

28. *Fasal 33* bertujuan untuk meminda seksyen 58 Akta 543 berbangkit daripada kemasukan seksyen baru 49A ke dalam Akta 543 untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan kerana kegagalan untuk mengemukakan anggaran di bawah seksyen baru itu.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2010 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

29. *Fasal 34* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 82A ke dalam Akta 543 bagi membolehkan seseorang ejen cukai untuk mengemukakan secara elektronik apa-apa borang yang ditetapkan di bawah Akta 543 bagi pihak seseorang yang boleh dikenakan cukai.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2010 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

PELBAGAI

Bahagian II Bab IV Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk memperuntukkan peruntukan khas dan peralihan berkenaan dengan pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.

30. *Fasal 36* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa terdapat dua tahun taksiran yang berasingan, iaitu, berkenaan dengan tempoh asas berakhir dalam tahun 2009 (asas tahun sebelumnya) atau tempoh asas berakhir dalam tahun 2010 (asas tahun semasa).

31. *Fasal 37* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa seseorang yang boleh dikenakan cukai tidak dikehendaki mengemukakan anggaran di bawah seksyen 49A Akta yang sama berkaitan dengan tahun taksiran 2010 berasaskan tahun semasa. Oleh itu, Ketua Pengarah boleh mengeluarkan suatu arahan ke atas orang yang boleh dikenakan cukai berkenaan dengan pembayaran ansuran berhubung dengan cukai bagi tahun taksiran itu.

32. *Fasal 38* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa dalam hal jika seseorang yang boleh dikenakan cukai di bawah seksyen 5 Akta ini sebelum pindaan seksyen itu, orang yang boleh dikenakan cukai itu adalah bertanggungjawab di bawah seksyen itu.

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

Bab V Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976. Bab ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2010.

33. *Fasal 40* bertujuan untuk meminda subseksyen 7(4) Akta 169 untuk memperuntukkan bahawa jika suatu aset yang boleh dikenakan cukai dilupuskan oleh seseorang dalam suatu tahun taksiran dan harga pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai itu kurang daripada harga pemerolehan, kerugian yang dibenarkan adalah dibenarkan sebagai suatu potongan bagi mengurangkan jumlah keuntungan yang boleh dikenakan cukai ke atas orang itu bagi tahun taksiran itu. Walau bagaimanapun, jika orang itu ialah seorang individu, kerugian itu akan dibenarkan untuk mengurangkan keuntungan yang boleh dikenakan cukai ke atas individu itu selepas mengambil kira amaun yang dikecualikan mengikut Jadual 4 Akta. Dalam hal jika kerugian yang dibenarkan telah tidak dibenarkan bagi tahun taksiran itu oleh sebab tidak cukupnya atau tiadanya keuntungan yang boleh dikenakan cukai, kerugian yang dibenarkan boleh dibenarkan dalam tahun taksiran yang terdapat keuntungan yang boleh dikenakan cukai sehingga kerugian itu dapat digunakan sepenuhnya.

34. *Fasal 41* bertujuan untuk meminda masing-masing subseksyen 13(1), (2) dan (3) Akta 169 bagi memperuntukkan bahawa penyata bagi pelupusan harta di bawah Akta itu mestilah dikemukakan kepada Ketua Pengarah dalam masa enam puluh hari dari tarikh pelupusan harta itu.

35. *Fasal 45* bertujuan untuk meminda seksyen 21A Akta 169 untuk memperuntukkan bahawa suatu perakuan yang tidak dikenakan cukai dikeluarkan kepada pelupus untuk memberitahu pelupus itu bahawa tiada keuntungan yang boleh dikenakan cukai daripada pelupusan harta yang dibuat oleh pelupus itu.

36. *Fasal 46* bertujuan untuk meminda seksyen 21B Akta 169 untuk memperuntukkan bahawa dalam hal jika orang yang boleh dikenakan cukai melupuskan suatu aset yang boleh dikenakan cukai dan balasan bagi pelupusan itu terdiri daripada kesemua atau sebahagian daripada wang, pemeroleh yang memperoleh aset yang boleh dikenakan cukai mestilah memegang simpan suatu amaun yang bersamaan dengan dua peratus daripada jumlah nilai balasan itu. Pemeroleh itu mempunyai kewajipan untuk membayar amaun yang dipegang simpan kepada Ketua Pengarah dalam masa enam puluh hari dari tarikh pelupusan itu. Dalam hal jika pemeroleh gagal memegang simpan amaun itu, Ketua Pengarah diberi kuasa untuk menaikkan suatu jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada amaun itu dan hendaklah didapatkan dari pemeroleh sebagai hutang yang genap masanya kepada Kerajaan.

37. *Fasal 49* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 48A ke dalam Akta 169 untuk memperuntukkan bahawa mana-mana rekod elektronik, salinan atau cetakan rekod elektronik boleh menjadi keterangan yang boleh diterima jika rekod, salinan atau cetakan itu diperakui oleh Ketua Pengarah atau disahkan mengikut cara yang diperuntukkan oleh Akta Keterangan 1950.

38. *Fasal 50, 51 dan 52* bertujuan untuk meminda masing-masing seksyen 52, 53 dan 55 Akta 169 berbangkit daripada pindaan kepada seksyen 21B Akta 169.

39. *Fasal 53* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 57A ke dalam Akta 169 untuk memudahkan pengemukaan borang yang ditetapkan melalui media elektronik atau penghantaran elektronik.

40. *Fasal 54* bertujuan untuk meminda subperenggan 6(1)(c) Jadual 2 kepada Akta 169 untuk memperuntukkan bahawa bunga yang dibayar ke atas modal yang digunakan untuk memperoleh suatu aset tidak menjadi kos sampingan di bawah Jadual itu.

41. *Fasal 55* bertujuan untuk meminda perenggan 2 Jadual 4 kepada Akta 169. Dengan pindaan itu, amaun yang dikecualikan ke atas keuntungan yang boleh dikenakan cukai yang dibuat oleh seseorang individu daripada pelupusan suatu aset yang boleh dikenakan cukai dinaikkan daripada lima ribu ringgit kepada sepuluh ribu ringgit.

42. *Fasal 56* bertujuan untuk meminda Bahagian I Jadual 5 kepada Akta 169 untuk memperuntukkan bahawa pelupusan suatu aset yang boleh dikenakan cukai yang dibuat selepas tahun kelima atau selepasnya daripada pemerolehan aset yang boleh dikenakan cukai itu oleh seseorang individu adalah dikenakan cukai pada kadar lima peratus.

43. *Fasal 57* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa seseorang itu terus berhak menikmati relief cukai di bawah seksyen 7 Akta 169 sebelum pindaan kepada seksyen itu mula berkuat kuasa, jika relief itu tidak dibenarkan sebagai suatu potongan daripada mana-mana cukai yang ditaksirkan dalam tahun taksiran sebelum tahun taksiran 2008.

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LUAR PESISIR LABUAN 1990

Bab VI Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990. Bab ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2010.

44. *Fasal 59* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 12A ke dalam Akta 445 untuk memperuntukkan bahawa lebih daripada amaun cukai yang dibayar oleh sesuatu syarikat luar pesisir hendaklah dibayar balik daripada kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 111B Akta 53.

AM

45. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²) 2715]